



---

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**  
**BILANGAN 3 TAHUN 2024**

---

**PENETAPAN TEMPOH AKHIR MENGEMASKINI BAND  
MUET/SETARAF SEBAGAI SYARAT BERGRADUAT BAGI  
PELAJAR BERSTATUS BELUM TAMAT (BT)  
DAN  
PENAMBAHBAIKAN KEPADA KADEAH UNIVERSITI PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS (PERKARA AKADEMIK) PERINGKAT SARJANA MUDA  
(PINDAAN 2023)**

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
9 Januari 2024

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

## **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**9 Januari 2024**

### **SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK** **BILANGAN 3 TAHUN 2024**

**PENETAPAN TEMPOH AKHIR MENGEMASKINI BAND MUET/SETARAF SEBAGAI  
SYARAT BERGRADUAT BAGI PELAJAR BERSTATUS BELUM TAMAT (BT)  
DAN  
PENAMBAHBAIKAN KEPADA KAEDAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
(PERKARA AKADEMIK) PERINGKAT SARJANA MUDA  
(PINDAAN 2023)**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-229 Bilangan 1/2024 yang bersidang pada 9 Januari 2024 telah bersetuju dengan penetapan tempoh akhir mengemaskini band MUET/setaraf sebagai syarat bergraduat bagi pelajar berstatus Belum Tamat (BT) dan penambahbaikan kepada Kaedah UPSI (Perkara Akademik) Peringkat Sarjana Muda (Pindaan 2023).

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pada masa ini, pelajar-pelajar yang telah melengkapkan struktur pengajian masih belum memenuhi band MUET/setaraf sebagai syarat bergraduat. Pelajar akan diberikan status BT iaitu Belum Tamat pada semester akhir pengajian mereka.
- 2.2 Status BT ini menyebabkan pelajar ‘aktif’ dalam sistem dan tertakluk kepada peraturan-peraturan akademik yang berkuat kuasa seperti keperluan untuk mendaftar semester dan mendaftar kursus.
- 2.3 Oleh kerana pelajar tiada keperluan lagi untuk mendaftar apa-apa kursus, maka pelajar dibenarkan untuk menangguh pengajian bagi membolehkan mereka menduduki semula ujian MUET/setaraf sehingga memenuhi band bergraduat

yang ditetapkan seperti dalam Kaedah UPSI (Perkara Akademik) Peringkat Sarjana Muda (Pindaan 2023) (Kelulusan Senat Kali Ke-226 Bil. 9/2023 bertarikh 12 September 2023).

### 3.0 JUSTIFIKASI

- 3.1 Permohonan tangguh pengajian yang diberikan kepada pelajar status BT adalah tangguh peribadi yang dikira semester. Pelajar perlu memohon tangguh pada setiap semester sehingga mereka mencapai band MUET/setaraf yang ditetapkan dan mengemukakan slip peputusan MUET kepada BHEA untuk di kemaskini status pengajian mereka.
- 3.2 Walaubagaimanapun, BHEA mencadangkan agar satu ketetapan tempoh kemaskini band MUET/setaraf dibuat dengan **tempoh maksimum yang dicadangkan adalah sehingga pelajar berada pada Semester 12 iaitu semester maksimum pengajian bagi peringkat Sarjana Muda (tertakluk kepada permohonan tangguh semester pelajar yang perlu dibuat setiap semester)** supaya pelajar dan pihak Fakulti dapat memantau perkembangan pelajar mereka sehingga layak bergraduat.
- 3.3 Sekiranya pelajar tidak memohon penangguhan pada semester yang berstatus BT, pelajar boleh dikenakan tindakan **Gugur Status** tertakluk kepada Perkara 7, Kaedah UPSI (Perkara Akademik) Peringkat Sarjana Muda.
- 3.4 Pelajar status BT yang telah mencapai maksimum 12 semester akan diberikan status Diberhentikan (DB) secara automatik. Pengecualian kepada kes-kes khas yang mendapat kelulusan Senat.

### 4.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN KAE DAH UPSI (PERKARA AKADEMIK) PERINGKAT SARJANA MUDA (PINDAAN 2023)

- 4.1 Cadangan penambahbaikan Kaedah UPSI (Perkara Akademik) Peringkat Sarjana Muda (Pindaan 2023) adalah seperti berikut:

| Perkara                                    | Asal   | Baharu  |
|--|--|---|
| Perkara 5<br><b>Penangguhan Pengajian</b>  | Tiada  | 5.9 Pelajar yang berstatus BT pada peperiksaan akhir mereka, dibenarkan memohon tangguh peribadi (kira semester) sehingga tempoh maksimum 12 semester sahaja. |
| Perkara 12<br><b>Penilaian Gred Kursus</b> | Perkara 12.2<br>Deskripsi status keputusan peperiksaan:<br><br>Tiada | Perkara 12.2<br>Deskripsi status keputusan peperiksaan:<br><br>BT: Belum Tamat (Belum memenuhi syarat bergraduat MUET/Setaraf)                                |
| Perkara 15<br><b>Status Pengajian</b>      | Perkara 15.5 Status<br>Diberhentikan (DB)<br><br>Tiada               | Perkara 15.5 <b>Status Diberhentikan (DB)</b><br><br>c. masih berstatus BT sehingga tempoh maksimum 12 semester.  |

## 5.0 KEPUTUSAN SENAT

Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan penetapan tempoh akhir mengemaskini band MUET/setaraf sebagai syarat bergraduat bagi pelajar berstatus Belum Tamat (BT) dan penambahbaikan kepada Kaedah UPSI (Perkara Akademik) Peringkat Sarjana Muda (Pindaan 2023) seperti di **Lampiran A**.

## **6.0 TARIKH KUAT KUASA**

Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 9 Januari 2024.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”**



**(SUHAILA SIDEK)**  
Ketua Timbalan Pendaftar  
Bahagian Hal Ehwal Akademik  
Tarikh: 9 Januari 2024

# **LAMPIRAN A**